

CNS7858

U CB 03-09 00179 BB235

bah

Mahathir - Bayaran

MELAKA, 3 Sept (Bernama) -- Semua kementerian, agensi dan jabatan kerajaan diminta memikirkan cara untuk mendapatkan sumber kewangan sendiri dengan +menjual+ perkhidmatan yang selama ini diberi secara percuma, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata keputusan yang dicapai pada mesyuarat kabinet minggu lepas itu menghendaki agensi kerajaan mengenal pasti perkhidmatan yang boleh dikenakan bayaran bagi membiayai perkhidmatan itu.

+Mereka hendaklah mencari duit sendiri dengan cara menjual apa sahaja yang boleh dijual...asalkan jangan jual bangunan,+ katanya semasa berucap selepas majlis taklimat mengenai pembangunan negeri Melaka di bangunan Seri Negeri di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir tiba di sini pagi tadi untuk lawatan rasmi dua hari ke Melaka.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa ini kebanyakan borang yang dikeluarkan oleh kerajaan diberi secara percuma kepada orang ramai sedangkan proses mengeluarkan borang tersebut perlu dibayar.

+Mungkin orang ramai tidak senang hati (apabila dikenakan bayaran) tetapi kita tidak ada duit untuk bekalkan semuanya... kita kena cari punca kewangan,+ kata beliau. -- Lagi

♥03/09/15-34MST

CNS7872

U CB 03-09 00126 BB236

bah

Mahathir - Bayaran 2 Melaka

Datuk Seri Dr Mahathir berkata semua agensi kerajaan dan kerajaan negeri juga hendaklah memikirkan cara mendapatkan sumber wang sendiri untuk membiayai projek atau perkhidmatan masing-masing kerana kerajaan pusat sendiri mempunyai kewangan yang terhad.

+Mereka tidak seharusnya lagi menunggu peruntukan daripada kerajaan pusat sebelum memulakan sesuatu perancangan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan pusat sendiri juga tidak mempunyai wang yang cukup untuk membiayai segala infrastruktur untuk menggalakkan pelaburan.

Kerajaan tidak mahu berhutang sehingga tidak mampu membayar balik, dan sebab itu ia memikirkan cara seperti kutipan tol dan penswastaan untuk membiayai pertumbuhan ekonomi, kata beliau.

+Tetapi, mentaliti masyarakat masa ini tidak dapat menerima kaedah pembayaran tol,+ katanya. -- Lagi

♥03/09/16-02MST

CNS7876

U CB 03-09 00133 BB237

bah

Mahathir - Bayaran 3 Melaka

Perdana Menteri berkata rakyat perlu menerima pelbagai pendekatan baru sekiranya mereka mahu melihat negara ini maju menjelang tahun 2020.

Beliau berkata walaupun pertumbuhan ekonomi negara kini berkembang pesat tetapi pertumbuhan pendapatan negara belum meningkat dengan memuaskan.

Katanya, setiap pelaburan swasta yang diterima perlu didahului dengan pelaburan oleh kerajaan sendiri dengan menyediakan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya.

Perdana Menteri berkata pelabur harus sedar bahawa mereka juga perlu memberi sumbangan atau caruman terhadap kemudahan yang disediakan di tempat lain seperti lapangan terbang, pelabuhan kerana mereka juga menggunakan perkhidmatan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan telah menetapkan bahawa lapangan terbang antarabangsa yang baru akan dibina di Sepang, Selangor dengan perbelanjaan yang besar. -- Lagi

♥03/09/16-04MST

U CB 03-09 00146 BB238

bah

Mahathir - Bayaran 4 Melaka

Beliau berkata kerajaan tidak mempunyai cukup wang untuk diagihkan kepada semua negeri dan kerajaan-kerajaan negeri harus memahaminya dan mencari punca kewangan melalui cara mereka sendiri.

Katanya, negeri yang memperolehi pendapatan lebih, mestilah sanggup tidak meminta-minta daripada kerajaan pusat bagi peruntukan yang mereka sendiri mampu menampung.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan negeri harus faham bahawa ada di kalangan mereka yang tidak boleh menampung perbelanjaan bagi pembayaran gaji untuk kakitangan serta menghadapi perbelanjaan defisit seperti Kelantan yang hanya mampu memperolehi pendapatan \$50 juta setahun.

Mengenai mesyuarat kabinet di sini esok, beliau berkata ia bertujuan membolehkan para menteri meninjau kemajuan yang dilakukan di negeri-negeri di samping mengukuhkan lagi hubungan antara pemimpin pusat dan negeri.

Mesyuarat itu merupakan kali ketiga diadakan di luar Kuala Lumpur selepas Langkawi dan Kuching. -- Lagi

♥03/09/16-15MST

CNS7886

U CB 03-09 00134 BB239

bah

Mahathir - Bayaran 5 Melaka

Katanya, pegawai dan kakitangan kerajaan perlu memahami hakikat bahawa kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk diagihkan kepada semua, dan jika mereka mahukan negara terus mengecapi kemajuan, maka mereka harus menyusun langkah, tekun, bersabar dan sanggup berkerja dengan penuh disiplin.

+Janganlah sesiapa menjadi penghalang kepada kemajuan yang dilaksanakan oleh kerajaan demi untuk mencapai tahap negara maju menjelang 2020 yang merupakan wawasan rakyat,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, matlamat Wawasan 2020 bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai asalkan rakyat sabar, tekun dan yakin untuk mencapai kemajuan.

Taklimat disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamad Zam Abdul Wahab.

Selain beberapa orang menteri, yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. -- Bernama

♥03/09/16-15MST